

KOSMO!

TARIKH : 16 FEBRUARI 2024

PERKARA : Komitmen Kerajaan Madani perkukuh agenda reformasi pendidikan
18,792 guru baharu dilantik

MUKA SURAT : 5

Komitmen Kerajaan Madani perkukuh agenda reformasi pendidikan

18,792 guru baharu dilantik

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA — Seramai 18,792 guru baharu telah dilantik sepanjang tahun lalu bagi memastikan isu kekurangan guru di sekolah-sekolah seluruh negara dapat diatasi.

Kementerian Pendidikan (KPM) dalam kenyataan berkata, pelantikan itu melibatkan 9,155 guru baharu ditempatkan di sekolah rendah dan 9,637 guru baharu di sekolah menengah.

“Lonjakan penambahan bilangan guru ini adalah komitmen besar Kerajaan Madani dalam memperkuuh agenda reformasi pendidikan dan memartabatkan kualiti pendidikan negara,” katanya.

Terdahulu, KPM memaklumkan sentiasa bekerjasama erat dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) untuk memastikan isu kekurangan guru di sekolah-sekolah seluruh negara dapat diatasi.

Jelasnya, sinergi kerjasama strategik kedua-dua pihak cukup



KPM telah melantik seramai 18,792 guru baharu sepanjang tahun lalu bagi memastikan isu kekurangan guru di sekolah-sekolah seluruh negara dapat diatasi. — GAMBAR HIASAN

KERATAN Kosmo! 3 November 2023.

signifikan dalam memastikan unjuran guru memenuhi keperluan semasa.

“Pengambilan seramai 6,315 graduan bukan pendidikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara contract of service (COS) seperti yang diumumkan SPP minggu lalu adalah cerminan komitmen berterusan kerajaan memastikan unjuran keperluan dan penempatan guru di sekolah dipenuhi,” katanya.

Kosmo! pada 3 November 2023 melaporkan, terdapat ibu bapa mula risau setiap kali memikirkan masa depan pendidikan anak mereka ekoran isu guru kurang.

Lebih serius apabila ada sekolah terpaksa melaksanakan kelas tambahan untuk mengimbangi mata pelajaran yang tercicir bagi pelajar terkesan.

Ibu bapa mengeluh apabila pembelajaran matematik anak mereka terganggu ekoran ketidaadaan guru tetap sejak setahun di sebuah sekolah menengah kebangsaan agama di Kedah.